

PM: Sektor pertanian

20 JUL 1986

terus jadi tumpuan

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sektor pertanian, tempat tertumpunya golongan miskin terus mendapat perhatian istimewa kerajaan, manakala asas industri negara sedang diperluas dan diperkukuhkan bagi menjamin rakyat menikmati taraf hidup yang tinggi.

Sehubungan itu, katanya, rakyat memang sepatutnya yakin terhadap masa depan mereka kerana negara tidak

KUALA LUMPUR, Jumaat

akan bergantung kepada pengeluaran perusahaan utama sahaja.

"Kita juga membuat barang-barang untuk eksport. Pada 1984, dagangan eksport barangan ini menghasilkan \$12,201 juta atau 32 peratus daripada jumlah pendapatan luar kita. Insya-Allah, dengan dedikasi dan ketekunan pekerja kita akan maju lagi," katanya.

Perdana Menteri selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata demikian dalam Surat Terbuka

Kepada Rakyat Malaysia yang terkandung dalam manifesto BN bertemakan Tradisi Membela Rakyat. Manifesto itu dilancarkan oleh beliau di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tindakan yang diambil untuk membetulkan keadaan-keadaan yang timbul berikutan kelembapan ekonomi sudah pun menunjukkan hasil.

"Kami sudah mengurangkan pinjaman luar daripada \$4.6 ribu juta pada 1982 kepada \$0.8 juta pada 1985. Kami mengurangkan import dengan begitu banyak dan dengan itu imbalan pembayaran kian menguntungkan kita walaupun eksport berkurangan.

"Simpanan wang kita tetap

tinggi dan langkah-langkah mewujudkan pekerjaan sedang dipergiatkan," katanya.

Beliau berkata, perbelanjaan kerajaan sudah dikurangkan daripada \$27,110 juta pada 1982 kepada \$24,859 juta pada 1985. Kerajaan juga sudah mengurangkan kecewewetan dan mengadakan insentif yang lebih bermanfaat untuk perkembangan ekonomi

"Kami memperbaiki jentera kerajaan, khususnya perkhidmatan yang membabitkan orang ramai akan terus berpandu kepada prinsip-prinsip Bersih, Cekap dan Amanah serta

akan meneruskan usaha untuk mewujudkan sebuah masyarakat moden, berdisiplin dan berakhlak.

Mudah

"Kalau kita berganding bahu, kita akan dapat mengatasi kelembapan ini dan menjadi lebih teguh dan cergas. Pelaburan asing dan tempatan akan meningkat dan boleh mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan sama ada besar atau kecil. Malah, tanda keadaan bertambah baik sudah kelihatan," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tidak ada sesiapa pun boleh menafikan bahawa negara ini sekarang lebih bersih dan makmur dengan perkhidmatan perubatan, kesihatan serta pelajaran dikekalkan dan diperbaiki lagi.

"Kemudahan komunikasi sekarang lebih mudah dan murah. Harga barang-barang keperluan pun sebenarnya sudah turun. Rumah-rumah murah sudah dibina dan akan terus dibina.

"Pembangunan luar bandar berjalan lancar. Yang kurang berada di pimpin. Yang kaya dibantu hanya bila kegiatan ekonomi mereka mewujudkan peluang pekerjaan.